

20/10/2001

Cuepacs gembira pemberian bonus setengah bulan

KUALA LUMPUR, Jumaat -Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) menyambut baik Belanjawan 2002 yang bantangkan semalam kerana ia seimbang kepada semua pihak serta menghargai sumbangan kakitangan awam dalam pembangunan negara.

Setiausaha Agungnya, Abdul Rahman Manan, berkata walaupun sebelum ini Cuepacs memohon bonus dua bulan, pihaknya tetap bersyukur dengan pemberian setengah bulan bonus atau sekurang-kurangnya RM1,000 kerana memahami keupayaan ekonomi negara ketika ini.

Beliau berkata, pihaknya juga mengalu-alukan kenaikan gaji 10 peratus kakitangan awam serta pengurangan cukai pendapatan individu sebanyak satu peratus kepada 28 peratus pada 2002 kerana berupaya menggalakkan orang ramai berbelanja di dalam negara.

"Bagaimanapun, kami berharap dapat mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi membincangkan lebih lanjut berhubung pelaksanaan kenaikan gaji itu kerana ia mempunyai kaitan dengan Sistem Saraan Baru (SSB) yang sedang dikaji semula.

"Ini adalah untuk memperbaiki sebarang kelemahan yang mungkin timbul dan selaras dengan tuntutan Cuepacs selama ini," katanya mengulas Belanjawan 2002 yang dibentang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menerima cadangan Cuepacs supaya meneruskan pemberian pencen kepada balu yang sudah berkahwin lain.

"Saya berharap balu yang sudah berkahwin semula akan menggunakan pencen berkenaan sebaik mungkin untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak," katanya.

Bendahari Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Lok Yim Pheng, berkata pihaknya menyifatkan tindakan kerajaan memberikan bonus kepada semua kakitangan awam sebagai penghargaan terhadap sumbangan mereka kepada negara selama ini.

Beliau berkata, langkah berkenaan turut membantu kakitangan awam dalam membuat persediaan menghadapi hari raya dan persekolahan yang akan dibuka pada awal tahun depan.

"Selain pemberian bonus, kenaikan gaji dan pengurangan cukai pendapatan juga membantu meningkatkan kuasa beli orang ramai ketika harga barangan semakin meningkat. Oleh itu, belanjawan kali ini adalah belanjawan yang bijak dan tepat pada masanya," katanya.

(END)